

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Dua Belas

Menjadi Yerusalem Baru

Bacaan Bible: Wahi 3:12; 19:7; 21:2, 9-11, 22; 22:17

I. Demi kehidupan Kristian dan kehidupan gereja kita, kita harus mempunyai visi tentang Yerusalem Baru—Wahi 21:9-11:

- A. Yerusalem Baru ialah komposisi kedivinan dan keinsanan yang dibaurkan, disebatikan, dan dibina bersama-sama menjadi satu entiti; semua komponen itu mempunyai hayat, sifat, dan konstitusi yang sama, dengan itu merupakan satu persona korporat—Yoh. 14:20, 23; Wahi 21:2-3, 9-23.
- B. Yerusalem Baru ialah konsumasi bagi visi utama ekonomi Tuhan dan konsumasi bagi puncak tinggi wahi divin—ay. 2, 9-11:
 - 1. Yerusalem Baru, iaitu konsumasi muktamad bagi Bible, mencakupi Tuhan menjadi manusia dan manusia menjadi Tuhan dalam hayat dan dalam sifat tetapi bukan dalam Ketuhanan—ay. 2; 3:12:
 - a. Dalam Kristus, Tuhan telah menjadi manusia untuk menjadikan manusia Tuhan dalam hayat-Nya dan dalam sifat-Nya, supaya Tuhan yang menebus serta manusia yang ditebus dapat dibaurkan, dikonstitusikan bersama-sama menjadi satu entiti—Yerusalem Baru—21:3, 22.
 - b. Akhirnya, Tuhan yang tritunggal dan abadi, menjadi Yerusalem Baru yang diinkorporasikan dengan kita semua, dan kita juga menjadi Yerusalem Baru menerusi proses penyelamatan organik Tuhan—Roma 5:10; Wahi 3:12.
 - 2. Yerusalem Baru ialah komposisi umat yang dipilih, ditebus, dilahirkan, dikuduskan, diperbarui, ditransform, dikonform, dan dimuliakan Tuhan, yakni sekumpulan orang yang dijadikan Tuhan—Yoh. 3:6; Ibr. 2:11; Roma 12:2; 8:29-30:
 - a. Kita menjadi Tuhan bermaksud bahawa kita dikonstitusikan dengan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi agar kita dapat dijadikan Tuhan dalam hayat dan sifat untuk menjadi ekspresi korporat-Nya hingga keabadian—Wahi 21:11.
 - b. Percayawan menjadi Tuhan merupakan satu proses; proses ini akan berkonsumasi dalam Yerusalem Baru; inilah kebenaran yang tertinggi dan injil yang tertinggi—Roma 1:1, 3-4; 5:10; Wahi 21:2; 3:12.
 - 3. Yerusalem Baru ialah Tuhan-manusia korporat, iaitu pembesaran, perluasan, dan ekspresi Tuhan—Tuhan korporat—Roma 8:29; Ibr. 2:10-12; Wahi 4:3; 21:10-11:
 - a. Yerusalem Baru ialah perluasan dan ekspresi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi bersama dengan umat-Nya yang terbina—ay. 10-11.
 - b. Yerusalem Baru ialah pembesaran dan perluasan Tuhan, ekspresi Tuhan dalam keabadian, iaitu Tuhan korporat—Kej. 1:1; Yoh. 1:1, 14; 1 Kor. 15:45b; Wahi 22:17.

II. Yerusalem Baru ialah “pengantin perempuan, iaitu isteri Anak Domba... kota kudus itu, Yerusalem”—21:9-10:

- A. Dutus Yohanes nampak “kota kudus itu...disediakan bagaikan pengantin yang berdandan untuk suaminya”—ay. 2:
 - 1. Yerusalem Baru ialah pengantin perempuan; ini menunjukkan bahawa dia bukan sebuah kota fizikal tetapi satu persona korporat untuk kepuasan Kristus.

MENJADI YERUSALEM BARU

Mesej Dua Belas (sambungan)

2. Sebagai pengantin perempuan, yakni isteri Anak Domba, Yerusalem Baru ialah pasangan Kristus yang abadi—19:7.
 - B. Yerusalem Baru ialah konsumasi muktamad bagi kisah cinta divin—satu pasangan yang universal, “pasangan abadi”—22:17:
 1. Subjek Bible ialah sebuah kisah cinta divin bagi satu pasangan universal; pihak lelaki ialah Tuhan sendiri, dan pihak perempuan ialah umat yang dipilih dan ditebus oleh Tuhan—Yes. 54:5; Yer. 2:2; 3:1, 14; 31:32; Hos. 2:7, 19; Yoh. 3:29; 2 Kor. 11:2; Wahi 19:7.
 2. Kisah cinta divin ini digambarkan dalam Kidung Agung secara puitis—1:2; 8:14:
 - a. Pencari telah melalui satu proses untuk menjadi Sulamit, yakni duplikasi Salomo dan lambang Yerusalem Baru—6:13, 4.
 - b. Yerusalem Baru akan menjadi Sulamit korporat, yang merangkumi seluruh umat yang dipilih dan ditebus oleh Tuhan.
 3. Pertunangan dan kehidupan perkahwinan Kristus meliputi zaman gereja, zaman kingdom, dan zaman abadi:
 - a. Pada zaman gereja, kita ditunangkan kepada Kristus—2 Kor. 11:2.
 - b. Hari perkahwinan adalah pada zaman kingdom milenium—Wahi 19:7.
 - c. Kehidupan perkahwinan adalah dalam Yerusalem Baru hingga keabadian—21:2, 9-10.
 4. Yerusalem Baru akan menjadi pengantin dalam kingdom milenium selama seribu tahun yang seperti sehari (2 Ptr. 3:8), kemudian akan menjadi isteri di langit baru dan bumi baru hingga keabadian (Wahi 21:2):
 - a. Pengantin perempuan dalam kingdom milenium hanya merangkumi pekudus yang jayeng—3:12.
 - b. Isteri di langit baru dan bumi baru merangkumi semua anak Tuhan yang ditebus dan dilahirkan—21:7.
 - C. Wahi 22:17 menunjukkan bahawa Kristus dan Yerusalem Baru yang merupakan isteri-Nya akan menjadi pasangan universal hingga keabadian:
 1. Roh itu, sebagai totaliti Tuhan Tritunggal yang terproses, menjadi satu dengan percayawan, yang kini telah menjadi matang sepenuhnya untuk menjadi pengantin perempuan-Nya—bd. Ef. 4:13, 15-16.
 2. Konsumasi Tuhan Tritunggal yang terproses dan konsumasi umat yang dipilih, ditebus, dilahirkan, dan ditransform oleh Tuhan akan menjadi satu serta akan menjadi pasangan universal yang mengekspresikan Tuhan Tritunggal hingga keabadian.
 - D. Pejayeng dalam gereja yang dipulihkan akan menjadi Yerusalem Baru dalam kingdom milenium—Wahi 3:7-8, 12.
- III. Tuan Yesus akan menjadikan orang yang jayeng dalam gereja yang dipulihkan itu tiang yang dibina ke dalam bait Tuhan, iaitu Tuhan Tritunggal sendiri—ay. 12a; 21:22:**
- A. Dalam Wahi 21:22, kita melihat bahawa dalam Yerusalem Baru, Tuhan Tritunggal sendiri akan menjadi bait:
 1. Pejayeng menjadi tiang dalam bait bermakna bahawa dia akan menjadi tiang dalam Tuhan Tritunggal—3:12a.
 2. Ini merangkumi perihal dibaurkan dengan Tuhan Tritunggal dan dikonstitusikan dengan Tuhan Tritunggal—Ef. 3:16-17a.

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Dua Belas (sambungan)

- B. Tuan menjadikan kita tiang dengan mentransform kita, iaitu dengan membawa pergi elemen alamiah kita dan menggantikannya dengan elemen divin-Nya—Roma 12:2; 2 Kor. 3:18:
 - 1. Makna *jadikan* dalam Wahi 3:12 ialah mengkonstitusikan kita menjadi sesuatu, membentuk kita secara kreatif.
 - 2. Dalam kehidupan gereja hari ini, Tuan berhasrat untuk menjadikan kita, mengkonstitusikan kita, sebagai tiang dalam bait Tuhan.
 - C. Kerja Tuan dalam gereja yang dipulihkan ialah menggarapkan diri-Nya ke dalam kita, mengkonstitusikan kita sebagai tiang dalam bait Tuhan—Ef. 3:16-17a; Wahi 3:12a.
- IV. Pada orang yang jayeng, yang berada dalam gereja yang dipulihkan, Tuan Yesus akan menulis nama Tuhan-Nya, nama kota Tuhan, Yerusalem Baru, dan nama-Nya yang baru—ay. 12b:**
- A. Hakikat bahawa nama Tuhan, nama Yerusalem Baru, dan nama baru Tuan ditulis pada pejayeng menunjukkan bahawa pejayeng dimiliki Tuhan, dimiliki Yerusalem Baru, dan dimiliki Tuan; bahawa Tuhan sendiri, kota-Nya (Yerusalem Baru), dan Tuan sendiri, adalah kepunyaannya; dan bahawa dia bersatu dengan Tuhan, dengan Yerusalem Baru, dan dengan Tuan.
 - B. Nama Tuhan menunjukkan Tuhan sendiri, nama Yerusalem Baru menunjukkan kota itu sendiri, dan nama Tuan menunjukkan Tuan sendiri—ay. 12b.
 - C. Nama Tuhan, nama Yerusalem Baru, dan nama Tuan ditulis pada pejayeng menunjukkan bahawa apanya Tuhan, sifat Yerusalem Baru, dan persona Tuan, semuanya telah digarapkan ke dalam pejayeng—Yoh. 14:19-20, 23; Ef. 3:16-17.
 - D. Disebutnya Yerusalem Baru sebagai ganjaran kepada pejayeng menunjukkan bahawa janji ini akan digenapi dalam kingdom milenium; Yerusalem Baru dalam kingdom milenium akan menjadi ganjaran hanya kepada pejayeng—Wahi 3:12b.